



Selamat Datang  
Ke Laman Portal  
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Selasa, Mei 24, 2016

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

| A- | A+ | EN | RU | AR

**BERITA »**

### Pelajar UPM anjur Bengkel Kraftangan di Tadika Bahtera Khalifah (Little Caliphs)



**SERI KEMBANGAN, 13 Mei** - Seramai 29 pelajar dari Kursus Kokurikulum Berkredit kumpulan kraftangan (QKH2101), Pusat Kolurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP) Universiti Putra Malaysia (UPM) mengadakan bengkel kraftangan di Tadika Bahtera Khalifah (Little Caliphs), Bandar Putra Permai, Seri Kembangan, Selangor.



Bengkel itu untuk menerapkan tujuh elemen dalam kursus kokurikulum iaitu kemahiran insaniah kepada pelajar supaya dapat mewujudkan rangkaian kerjasama erat (networking) antara masyarakat dengan institusi pengajian tinggi, serta mewujudkan nilai kepimpinan, semangat bekerjasama dan kerja berpasukan di kalangan pelajar.

Bengkel kraftangan Craftywarrior's itu bertemakan "Let Be Crafty, Creative, Enjoy and Have Fun." Ia dipimpin Nuratiqah Shafizal sebagai Pengarah Program dan Cik Nurul Asyikin Mohd Taib selaku fasilitator kumpulan ini.

Seramai 36 orang pelajar Tadika Bahtera Khalifah (Little Caliphs) berusia 6 tahun menyertai bengkel berkenaan. Dua sesi kraf yang dijalankan adalah DIY Pencil Topper dan DIY Bantal Owl. - UPM

